



# SIARAN MEDIA

## PENGIFTIRAFAN INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM) DALAM ANUGERAH UNESCO SULTAN QABOOS PRIZE FOR ENVIRONMENTAL CONSERVATION 2021

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menerima **Anugerah Sultan Qaboos Prize for Environmental Conservation** bagi tahun 2021 pada 17 November 2021 (Rabu) semasa Persidangan Agung ke-41 UNESCO (41GC) di Paris, Perancis. Anugerah berprestij ini diadakan secara dwitahunan untuk memberi pengiktirafan dan menghargai individu, kumpulan individu, institusi atau organisasi yang telah banyak menyumbang kepada usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, selaras dengan dasar, matlamat dan objektif UNESCO.

FRIM dipilih untuk menerima pengiktirafan ini kerana inisiatifnya untuk memantau dan memulihara spesies-spesies terancam yang penting kepada negara. Pada tahun ini, FRIM telah menerbitkan '**Malaysia Red List: Plants of Peninsular Malaysia. Vol. 1 (2021)**' yang bertujuan untuk memantau pemuliharaan spesies sangat terancam di Malaysia. Selain itu, FRIM juga telah mendokumentasikan pengetahuan tradisional masyarakat Orang Asli dan masyarakat tempatan. Ini merupakan antara penerbitan-penerbitan penting kepada usaha konservasi negara.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) turut berbangga dengan pengiktirafan ini kerana buat julung kalinya Malaysia memenangi anugerah ini semenjak anugerah ini diperkenalkan pada tahun 1991. Selain daripada FRIM, pada tahun ini anugerah tersebut juga diberikan kepada Universidad para la Cooperacion International (UCI), Costa Rica.

FRIM merupakan salah satu institusi terkemuka dalam penyelidikan hutan tropika di dunia dan telah menjalankan bukan sahaja pelbagai penyelidikan mengenai biodiversiti, ekosistem landskap hutan, hasil hutan, ekonomi, dan prapengkomersialan produk baharu atau yang lebih baik, tetapi juga telah memberi sumbangan secara signifikan dalam pemuliharaan biodiversiti di peringkat kebangsaan.

Kampus FRIM di Kepong, Selangor merupakan model hutan regenerasi terbaik bagi hutan buatan manusia yang dibangunkan daripada kawasan terosot serta menjadi rujukan bagi pemuliharaan hutan hujan tropika di dunia. FRIM juga mempunyai ekosistem hutan yang unik yang menyimpan pelbagai spesies flora hutan tropika serta merupakan pusat koleksi terbesar bagi germplasma dipterokarpa.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada FRIM atas penerimaan anugerah ini. Sesungguhnya pencapaian ini merupakan kejayaan buat Malaysia amnya dan FRIM khususnya dalam mencerminkan komitmen mewujudkan keseimbangan antara penjagaan khazanah alam semula jadi dengan aktiviti pembangunan melalui pendekatan pembangunan mampan.

Kementerian akan terus memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang penting kepada usaha memulihara dan memastikan kelestarian khazanah biodiversiti hutan negara.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**18 NOVEMBER 2021**